

Saling tuding jari

Sinar 19/7/14 ms 2.

Malaysia jadi mangsa keadaan di zon perang

KIEV - Angkara siapa? Seluruh penduduk dunia kini terarah kepada tragedi nahas pesawat MH17, Boeing 777 yang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur.

Pesawat malang membawa 285 penumpang dan 13 kru itu dikatakan ditembak kumpulan pemberontak pro-Russia di Donetsk iaitu wilayah pemberontak Ukraine.

Sejurus kejadian itu, Ukraine dan Rusia saling menuding jari menuduh antara satu sama lain untuk bertanggung jawab terhadap kejadian itu.

Pegawai Kementerian Dalam Negeri Ukraine menuduh kumpulan pemberontak pro-Rusia menggunakan peluru berpandu darat ke udara untuk menembak pesawat itu.

Ukraine tuduh Rusia

Sejurus kenyataan itu dikeluarkan, kemelut antara Kiev dan Moscow menjadi lebih teruk.

Tuduhan itu dikuatkan lagi apabila pesawat malang berkenaan dipercayai terhempas di perkampungan Grabovo, kira-kira 40 kilometer dari sempadan Russia iaitu kawasan di mana pemberontak pro-Russia bergiat aktif dan mendakwa pernah menembak jatuh pesawat lain.

Tuduhan demi tuduhan dilemparkan Ukraine apabila Presidennya Anton Gerashchenko dalam Facebooknya berkata, pesawat B777 itu dipercayai terhempas berhampiran Donetsk dan di-



Mayat penumpang bersama kerusi pesawat ditemui di lokasi nahas di Grabovo di wilayah Donetsk. Foto: AFP

tembak menggunakan sistem anti-pesawat Buk oleh penganas dengan sengaja.

Selain itu, ada juga tuduhan mengaitkan cubaan Ukraine untuk menyalahkan kumpulan pemberontak pro-Rusia secara konsisten.

Ukraine dikatakan menembak pesawat berkenaan untuk melabelkan kumpulan pemberontak pro-Rusia sebagai penganas.

Tuduhan itu penting bagi membuka mata dunia bagi menyalahkan Rusia di atas segala kemelut yang berlaku di negara berkenaan selepas negara kuasa besar itu berjaya menghasut rakyat di Crimea berpisah dari Ukraine.

Kesan daripada pemisahan ini wujud kumpulan menggelar diri mereka sebagai kumpulan pemberontak Pro-Rusia.

Namun, secara logiknyanya sistem anti-pesawat Buk itu hanya dimiliki tentera dan kumpulan pemberontak pro-Rusia juga dikatakan tidak memiliki aset

pertahanan canggih.

Terdapat juga andaian bahawa, tentera Ukraine dikatakan tersilap sasaran apabila mengandaikan pesawat MH17 yang ditembak itu adalah pesawat Ilyushin Il-96-300PU iaitu pesawat rasmi bawa Presiden Rusia Vladimir Putin.

Ini kerana reka bentuk MH17 dan Ilyushin Il-96-300PU tidak jauh beza terutama corak pada badan pesawat.

Namun rasanya, Putin dan tenteranya tidak seabodoh itu untuk melalui zon perang jika nyawanya terugut.

Jika benar andaian itu, ini bermakna pesawat MH17 dan Malaysia menjadi mangsa.

Rusia sangkal dakwaan

Hanya selepas beberapa minit insiden itu berlaku, Utusan Khas Rusia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Vitaly Churkin mengeluarkan kenyataan bahawa tenteranya telah menembak sebuah pesawat.

Ketika itu, Rusia dikatakan belum mengenali maklumat terperinci tentang kejadian tersebut dan mengandaikan tentera mereka menembak sebuah pesawat jet pejuang milik Ukraine.

"Kami tidak melakukannya dan tidak menembak mana-mana pesawat," katanya.

Penafian itu dibuat selepas Majlis Kebangsaan Keselamatan dan Pertahanan Ukraine mengeluarkan kenyataan bahawa pesawat tentera Rusia menembak jatuh sebuah pesawat Ukraine Su-25 dengan roket.

Punca krisis Ukraine dan Rusia

Krisis dua negara ini bermula selepas rakyat Ukraine mendesak bekas Presiden Viktor Yanukovich untuk menandatangani perjanjian perdagangan dengan Kesatuan Eropah.

Selepas berbulan, rakyat memberontak dan Yanukovich akhirnya meminta bantuan Putin sehingga menyebabkan Rusia campur tangan dalam krisis politik dalaman negara mereka.

Pada masa sama, kerusi jawatannya itu digantikan pemangku Presiden Arseniy Yatseniuk yang merupakan pro-Barat bersama jutaan rakyat Ukraine mereka menentang Yanukovich.

Yanukovich bagaimanapun mendapat bantuan segera daripada Putin yang secara *ad-hoc* mengarahkan 6,000 tentera memasuki wilayah berkenaan dan turut menawan beberapa pangkalan tentera hingga wilayah Crimea jatuh ke tangan Rusia.

Pencerobohan Putin akhirnya dikecam negara antarabangsa hingga menyebabkan AS yang juga sekutu kuat Yatseniuk melakukan sekatan ekonomi.

Mengapa MH17 terbang di zon konflik

Sejak insiden MH17 berlaku, Pusat Penyelaras Kawalan Trafik Udara Eropah tidak membenarkan mana-mana pesawat melalui kawasan berkenaan pada jarak ketinggian kurang daripada 33,000 kaki.

April lalu, Pentadbiran Penerbangan Persekutuan AS mengeluarkan amaran kepada juruterbang mereka bahawa ruang udara antara Rusia dan Ukraine berada pada tahap *advisory*-

INFO SENARAI PENUMPANG

NEGARA	JUMLAH
Netherlands	173
Malaysia	44
Australia	28
Indonesia	12
United Kingdom	9
Jerman	4
Belgium	4
Filipina	3
Kanada	1
New Zealand	1
Hong Kong	1
Tidak dapat dikenal pasti	18
Jumlah besar	298

Ruang udara ditutup sejak tiga hari lalu

DONETSK - Pihak Keselamatan Negara Ukraine dan Majlis Pertahanan mengambil keputusan menutup ruang udara Donetsk daripada sebarang penerbangan sejak tiga hari lalu, menurut sumber Agensi Pengangkutan Udara Persekutuan Rusia (Rosaviatsia).

Ketua Keselamatan Negara Ukraine dan Majlis Pertahanan Andriy Parubiy dipetik sebagai berkata, keputusan itu dibuat kerana serangan pemberontak pro-Rusia makin memuncak sejak 11 Jun lalu.

Sumber dari Republik Rakyat Donetsk

Sinar 19/7/14 MS 3.

berkata, laluan penerbangan komersial di Donetsk dan Luhansk terpaksa ditutup kerana kemudahan infrastruktur komunikasi telah musnah dalam keganasan akibat konflik itu.

"Kiev mengendalikan semua perkhidmatan kawalan trafik udara dan ia tidak jelas bagaimana pesawat MH17 boleh berada di kawasan itu. Semasa pertempuran di Lapangan Terbang Donetsk menara komunikasi dan sebahagian daripada perkhidmatan kawalan udara telah diletupkan," katanya. - *ITAR-TASS/AP*

Kotak hitam jadi rebutan

MOSCOW - Kotak hitam pesawat MH17 kini dilaporkan menjadi rebutan antara oleh kumpulan pemberontak pro-Rusia dan kerajaan Ukraine.

Pada penemuan pertama, agensi berita *Interfax* melaporkan, kumpulan yang menamakan diri mereka Donetsk People's Republic itu bersetuju menyerahkan kotak hitam pertama kepada pihak berkuasa keselamatan udara Rusia.

Pemimpin kumpulan terbabit, Andriy Purgin memaklumkan, kotak hitam itu akan dihantar ke Interstate Aviation Committee (IAC) Moscow untuk pemeriksaan dan siasatan.

"Kami berkemungkinan besar akan memberikan ia kepada Jawatankuasa Penerbangan Antara Negeri IAC di Moscow. Mereka adalah pakar yang akan dapat menentukan dengan tepat punca kejadian," katanya.

Lewat petang semalam, pe-

kotak hitam di bahagian hadapan merekodkan segala perbuatan di dalam kokpit manakala kotak hitam di bahagian belakang merekodkan segala pergerakan pesawat berkenaan.

Difahamkan, kotak hitam yang menjadi milik Malaysia itu kini menjadi rebutan antara Ukraine dan Rusia.

Terdahulu, AS memberi amaran supaya tiada pihak cuba mengalihkan bukti nahas selagi siasatan menyeluruh tidak selesai.

Presiden AS, Barack Obama dan Presiden Ukraine, Petro Poroshenko dilaporkan bersetuju mengenai perkara itu dalam perbualan telefon kira-kira 30 minit

insiden yang dipercayai berpunca dari tembakan peluru berpandu.

Obama memberi jaminan kepada Poroshenko untuk memberikan bantuan segera bagi menyasat punca pesawat itu terhempas.

Kenyataan itu bagaimanapun menimbulkan kebimbangan kepada pemberontak pro-Russia yang cuba mengubah bukti dari serpihan pesawat bagi mengelak dari dipersalahkan. - *Agensi*



INSIDEN TEMBAKAN PESAWAT DI RUANG UDARA UKRAINE

...dari Ukraine pada tiap advisory (berhati-hati) kerana keadaan disitu berpotensi menjadi tidak stabil.

Bagaimanapun, penerbangan awam masih melakukan penerbangan secara biasa pada setiap hari dan pada hari kejadian, difahamkan kira-kira sembilan pesawat melintasi ruang udara tersebut termasuk Singapura.

Namun, sejak awal minggu lalu, beberapa pesawat sudah mengurangkan laluan di zon berkenaan kerana bimbang berlaku insiden tidak diinginkan.

Selepas insiden MH17, semua syarikat penerbangan antarabangsa dikatakan mengelakkan laluan berkenaan kerana tidak mahu berhadapan risiko dan kawasan terbabit juga telah diisytiharkan sebagai koridor keselamatan sementara bagi melakukan operasi pembersihan bangkai pesawat.

Apa juga yang berlaku, terdapat juga spekulasi dicetuskan termasuk mendakwa Malaysia memilih laluan berkenaan untuk menjimatkan minyak, namun Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai menafikan dakwaan berkenaan.

Kini, kesemua negara terlibat memulakan siasatan terperinci bagi mencari punca sebenar kejadian. Adakah Malaysia menjadi mangsa keadaan atau sebaliknya sudah ditakdirkan.

...lewat pejuang berkhidmat, pe tugas penyelamat di Kiev memaklumkan, mereka menemui kotak hitam kedua.

Kedua-dua bahagian kotak hitam itu amat penting di mana



Washington meminta Kiev supaya tidak mengalihkan sebarang bukti selagi siasatan belum dilakukan.

...semalam.

Ini bagi mengelakkan bukti dari serpihan pesawat diusik atau ditutup dalam

INSIDEN TEMBAKAN PESAWAT DI RUANG UDARA UKRAINE

